



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
No. 13

31hb Mac 2022

*TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 12.

ENAKMEN PERBADANAN BUKIT BENDERA 2009

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN BUKIT BENDERA
(KAWALAN LALU LINTAS) 2022**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEMAKAIAN

3. Pemakaian

BAHAGIAN III

PERMIT MASUK

Peraturan

4. Permit masuk
5. Permohonan permit masuk
6. Pemberian permit masuk
7. Daftar pemegang permit masuk
8. Kesahan permit masuk
9. Pembaharuan permit masuk
10. Pindahan permit masuk

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

11. Pembatalan permit masuk
12. Kawalan akses

BAHAGIAN V

KESALAHAN

13. Had laju
14. Kenderaan hendaklah dipandu atas jalan raya sahaja
15. Meletak kenderaan secara menghalang
16. Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan
17. Arahan dan tanda lalu lintas hendaklah dipatuhi
18. Menghalang perjalanan lalu lintas

BAHAGIAN VI

PENALTI

19. Pendakwaan kesalahan
20. Penalti
21. Kompaun

BAHAGIAN VII

AM

Peraturan

22. Pengecualian

JADUAL

ENAKMEN PERBADANAN BUKIT BENDERA 2009

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN BUKIT BENDERA
(KAWALAN LALU LINTAS) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Perbadanan Bukit Bendera 2009 [*Enakmen 10*], Pihak Berkuasa Negeri atas syor Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Bukit Bendera (Kawalan Lalu Lintas) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh Perbadanan kepada seseorang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam kawasan Perbadanan;

“Daftar” ertinya suatu daftar pemegang permit masuk di bawah peraturan 7;

“kawasan Perbadanan” ertinya mana-mana kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang di bawah seksyen 6 Enakmen;

“kenderaan” ertinya sesuatu binaan yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan untuk membawa seseorang atau sesuatu benda dan yang menjejak tanah bila bergerak;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan secara bertulis bagi maksud peraturan-peraturan ini;

“meletak kereta” ertinya memberhentikan sesuatu kenderaan dan menyebabkan ia menunggu sesuatu maksud, selain daripada maksud untuk mengambil atau menurunkan orang, barang-barang atau bagasi;

“permit masuk” ertinya suatu permit yang dikeluarkan oleh Perbadanan di bawah peraturan 4; dan

“tanda lalu lintas” termasuklah apa-apa syarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas atau berhampiran dengan jalan untuk maklumat, panduan atau arahan orang yang menggunakan jalan.

BAHAGIAN II

PEMAKAIAN

Pemakaian

3. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai dalam kawasan Perbadanan.

BAHAGIAN III

PERMIT MASUK

Permit masuk

4. (1) Tiada seorang pun dibenarkan untuk masuk ke dalam kawasan Perbadanan menggunakan apa-apa kenderaan dalam kawasan Perbadanan tanpa suatu permit masuk yang dikeluarkan oleh Perbadanan.

(2) Permit masuk yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah sepertimana dalam suatu borang yang ditentukan oleh Perbadanan.

(3) Mana-mana orang yang masuk ke dalam kawasan Perbadanan menggunakan apa-apa kenderaan tanpa suatu permit masuk melakukan suatu kesalahan.

Permohonan permit masuk

5. (1) Permohonan bagi suatu permit masuk yang disebut dalam peraturan 4 hendaklah dibuat secara bertulis kepada Perbadanan dalam suatu bentuk dan dengan bayaran suatu fi seperti yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Suatu permohonan bagi suatu permit masuk di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan lesen memandu, cukai jalan dan insurans kenderaan yang sah.

(3) Suatu permit masuk yang dikeluarkan di bawah peraturan ini boleh menyatakan syarat-syarat mengenai masa, tempat, bayaran atau perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(4) Mana-mana orang yang telah diberikan suatu permit masuk hendaklah mematuhi perkara-perkara yang ditetapkan dalam permit masuk itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (4) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pemberian permit masuk

6. Selepas menerima sesuatu permohonan untuk permit masuk yang dinyatakan dalam peraturan 5, Perbadanan boleh mempertimbangkan permohonan itu dan jika permit masuk itu diberikan, Perbadanan hendaklah—

- (a) mendaftarkan pemegang permit masuk itu dalam Daftar;
- (b) mengeluarkan suatu pelekat kenderaan yang mempunyai nombor siri dan tahun ia dikeluarkan; dan
- (c) memberikan suatu kad akses kepada pemegang permit masuk.

Daftar pemegang permit masuk

7. Perbadanan hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar yang mengandungi butir-butir berikut:

- (a) Nama dan alamat pemegang permit masuk;
- (b) Butiran kenderaan yang digunakan pemegang permit masuk dalam kawasan Perbadanan; dan
- (c) Apa-apa maklumat lain yang boleh ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

Kesahan permit masuk

8. Suatu permit masuk yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah sah untuk tempoh tidak melebihi satu tahun kalendar dari tarikh ianya dikeluarkan.

Pembaharuan permit masuk

9. (1) Pemegang permit masuk boleh memohon kepada Perbadanan berserta dengan bayaran fi sebagaimana ditetapkan Perbadanan untuk pembaharuan permit masuk dalam tempoh tiga puluh hari sebelum tarikh penamatan permit masuk itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, Perbadanan boleh mengarahkan pemegang permit masuk untuk mengemukakan dokumen-dokumen tambahan atau maklumat yang dianggap perlu.

(3) Perbadanan boleh membaharui permit masuk dan menghendaki pemegang permit masuk untuk membayar fi yang ditetapkan atau menolak untuk membaharui permit masuk tanpa memberi apa-apa alasan untuk penolakan itu.

(4) Perbadanan boleh, apabila membaharui permit masuk, mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang baru ke atas permit masuk itu.

Pindahan permit masuk

10. Suatu permit masuk yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada pemegang permit masuk hendaklah tidak dipindahmilik tanpa kelulusan bertulis daripada Perbadanan.

BAHAGIAN IV**PENGUATKUASAAN****Pembatalan permit masuk**

11. (1) Suatu permit masuk yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dibatalkan oleh Perbadanan jika pemegang permit masuk itu gagal mematuhi apa-apa syarat permit masuk atau apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Jika suatu permit masuk di bawah Peraturan-Peraturan ini telah dibatalkan, pemegang permit masuk itu hendaklah, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan permit masuk itu, menyerahkan permit masuk, pelekat kenderaan dan kad akses yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada Perbadanan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan.

Kawalan akses

12. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, Perbadanan boleh—

(a) menetapkan pos kawalan dalam mana-mana kawasan Perbadanan; atau

(b) menetapkan apa-apa tatacara,

yang difikirkannya sesuai dan wajar bagi mengawal pergerakan keluar masuk kenderaan ke dalam kawasan Perbadanan.

BAHAGIAN V**KESALAHAN****Had laju**

13. Tiada pemegang permit masuk boleh memandu sesebuah kenderaan di dalam kawasan Perbadanan dengan kelajuan melebihi had laju yang ditetapkan melalui sesuatu tanda lalu lintas.

Kenderaan hendaklah dipandu atas jalan raya sahaja

14. (1) Tiada pemegang permit masuk boleh memandu sesebuah kenderaan di mana-mana tempat di dalam kawasan Perbadanan melainkan di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan raya bagi kenderaan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), tiada sesebuah kenderaan boleh dipandu oleh pemegang permit masuk di atas laluan—

(a) jalan kaki berturap;

(b) bahu jalan;

(c) tepi rumput;

(d) lorong jalan kaki; atau

(e) tempat lain, sama ada di sisi jalan raya bagi kenderaan atau selainnya,

yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan khas untuk laluan bagi kenderaan sepanjang tempoh pemegang permit masuk berada dalam kawasan Perbadanan.

Meletak kenderaan secara menghalang

15. Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dengan apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan kepada mana-mana orang atau kenderaan lain di dalam kawasan Perbadanan.

Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan

16. Jika sesuatu ruang letak kenderaan diuntukkan bagi sesuatu kenderaan tertentu, tiada pemegang permit masuk boleh meletak sesuatu kenderaan yang lain dalam ruang letak kenderaan itu.

Arahan dan tanda lalu lintas hendaklah dipatuhi

17. Semua orang hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas dan semua tanda lalu lintas yang ditetapkan dalam kawasan Perbadanan.

Menghalang perjalanan lalu lintas

18. Tiada seorang pun boleh berkelakuan dengan apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu pergerakan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam kawasan Perbadanan.

BAHAGIAN VI**PENALTI****Pendakwaan kesalahan**

19. Pendakwaan sesuatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

Penalti

20. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Kompaun

21. (1) Dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya, mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikompaun oleh Pengurus Besar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Mana-mana kompaun yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah tidak melebihi jumlah lima puluh peratus daripada amaun maksimum penalti kesalahan itu boleh dihukum.

(3) Arahan mengkompaun hendaklah dikeluarkan dengan menggunakan Borang A sepertimana ditetapkan dalam Jadual.

(4) Penerimaan tawaran pengkompaunan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang B sepertimana ditetapkan dalam Jadual.

BAHAGIAN VII**AM****Pengecualian**

22. Perbadanan boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan sesuai dan wajar olehnya, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL

ENAKMEN PERBADANAN BUKIT BENDERA 2009

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN BUKIT BENDERA
(KAWALAN LALU LINTAS) 2022

[Subperaturan 21(3)]

BORANG A

NOTIS TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada :

Alamat :

Tuan/Puan,

Rujukan:

Menurut *aduan/siasatan, tuan/puan telah melakukan kesalahan berikut—

(a) Tarikh:

Waktu:

(b) Tempat:

(c) *No. Pendaftaran Kenderaan:

(d) *No. Permit:

(e) *No. Siri Pelekat Kenderaan:

(f) Kesalahan: Peraturan..... Peraturan-Peraturan Perbadanan Bukit
Bendera (Kawalan Lalu Lintas) 2022

(g) Butir-butir kesalahan:

.....
.....

Jumlah kompaun: RM.....

Dikeluarkan oleh:

Tarikh:

* potong mana yang tidak berkaitan

JADUAL

ENAKMEN PERBADANAN BUKIT BENDERA 2009

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PERBADANAN BUKIT
BENDERA (KAWALAN LALU LINTAS) 2022

[Subperaturan 21(4)]

BORANG B

PENERIMAAN TAWARAN KOMPAUN

Pengurus Besar,
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
Tingkat 7, Bangunan PBBPP
Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam
11500 Pulau Pinang

Saya merujuk tawaran mengkompaun suatu kesalahan bertarikh
dan disertakan bersama ini *wang tunai/cek/kiriman wang/wang pos/pesanan
juruwang/pesanan bank/draf bank No. berjumlah RM..... bagi
menjelaskan kompaun itu.

Kesalahan: Peraturan Peraturan-Peraturan Perbadanan Bukit Bendera
(Kawalan Lalu Lintas) 2022.

Tandatangan:
Nama:
Alamat:

Dikeluarkan oleh: Tarikh:

* potong mana yang tidak berkaitan

Dibuat pada 16 Mac 2022
[PBBPP.AD(R) 100-6/4/1(1); PUNPP 352/100/1/2/SUB/91]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

PENANG HILL CORPORATION ENACTMENT 2009

PENANG HILL CORPORATION (ROAD TRAFFIC CONTROL)
REGULATIONS 2022

ARRANGEMENT OF REGULATION

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

APPLICATION

3. Application

PART III

ENTRY PERMIT

4. Entry permit
5. Application of entry permit
6. Issuance of entry permit
7. Register of entry permit holder
8. Validity of entry permit
9. Renewal of entry permit
10. Transfer of entry permit

PART IV

ENFORCEMENT

11. Revocation of entry permit
12. Access control

PART V

OFFENCES

Regulation

13. Speed limit
14. Vehicles to be driven only on carriageway of road
15. Obstructive parking
16. Use of allotted parking bays
17. Traffic directions and signs to be complied with
18. Obstruction to traffic flow

PART VI

PENALTY

19. Prosecution of offences
20. Penalty
21. Compound

PART VII

GENERAL

22. Exemption

SCHEDULE

PENANG HILL CORPORATION ENACTMENT 2009

PENANG HILL CORPORATION (ROAD TRAFFIC CONTROL) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by section 48 of the Penang Hill Corporation Enactment [*Enactment 10*], The State Authority on the recommendation of the Corporation makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as **Penang Hill Corporation (Road Traffic Control) Regulations 2022**.

(2) These Regulations shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“authorized officer” means any officer who has been authorized by the Corporation in writing for the purpose of these Regulations;

“area of the Corporation” means any area gazetted as the area of the Penang Hill Corporation under section 6 of the Enactment;

“entry permit” means a permit issued by the Corporation under regulation 4;

“parking” means the bringing of a vehicle to a stationary position and causing it to wait for any purpose, other than that of immediately taking up or setting down persons, goods or luggage;

“Register” means a Register of permit holder under regulation 7;

“traffic direction” means any order, direction or instruction given by the Corporation to any person using a road or a vehicle within the area of the Corporation;

“traffic sign” includes any signal, warning sign post, direction post, sign, mark or device erected or provided on or near a road for the information, guidance or direction of persons using the road; and

“vehicle” means a structure capable of moving or being moved or used for the conveyance of any person or thing and which maintains contact with the ground when in motion.

PART II

APPLICATION

Application

3. These Regulations shall apply within the area of the Corporation.

Part III

ENTRY PERMIT

Entry permit

4. (1) No person shall be permitted to enter into the area of the Corporation using any vehicle within the area of the Corporation without an entry permit issued by the Corporation.

(2) Entry permit mentioned in subregulation (1) shall be in a form determined by the Corporation.

(3) Any person who enter into the area of the Corporation using any vehicle without an entry permit commits an offence.

Application of entry permit

5. (1) Application for an entry permit mentioned in regulation 4 shall be made in writing to the Corporation in such form and with a payment of fee as determined by the Corporation.

(2) An application for an entry permit under subregulation (1) shall be enclosed with valid driving license, road tax and vehicle insurance.

(3) An entry permit issued under this regulation may stipulate conditions as to time, place, charges or other matters as deemed fit by the Corporation.

(4) Any person who has been issued with an entry permit shall comply with the terms prescribed in such entry permit.

(5) Any person who contravenes subregulation (4) commits an offence.

Issuance of entry permit

6. Upon receipt of an application of entry permit mentioned under regulation 5, the Corporation may consider such application and if an entry permit is issued, the Corporation shall—

(a) register the entry permit holder in the Register;

(b) issue a vehicle sticker with a serial number and the year it is issued;
and

(c) give an access card to the entry permit holder.

Register of entry permit holder

7. The Corporation shall keep and maintain a Register which contain particulars as follow:

- (a) Name and address of the entry permit holder;
- (b) Details of the vehicle used by the entry permit holder within the area of the Corporation; and
- (c) Any other information as may be determined by the Corporation from time to time.

Validity of entry permit

8. An entry permit issued under these Regulations shall be valid for a period not exceeding one calendar year from the date it was issued.

Renewal of entry permit

9. (1) An entry permit holder may apply to the Corporation together with a payment of fee as prescribed by the Corporation for renewal of entry permit within a period of thirty days prior to the expiry date of such entry permit.

(2) For the purpose of this regulation, the Corporation may direct the entry permit holder to submit additional documents or information which it deems necessary.

(3) The Corporation may renew the entry permit and requires the entry permit holder to pay fee as prescribed or refused to renew the entry permit without providing any reasons for such refusal.

(4) The Corporation may, upon renewing the entry permit, imposed any new conditions or restrictions on such entry permit.

Transfer of entry permit

10. An entry permit issued under these Regulations to an entry permit holder shall not be transferred without a written permission from the Corporation.

PART IV**ENFORCEMENT****Revocation of entry permit**

11. (1) An entry permit issued under these Regulations may be revoked by the Corporation if an entry permit holder fails to comply with any conditions of the entry permit or any provisions under these Regulations.

(2) Where an entry permit under these Regulations has been revoked, the entry permit holder shall, within the period of seven days from the date of the revocation of such entry permit, surrender the entry permit, vehicle sticker and access card issued under these Regulations to the Corporation.

(3) Any person who contravenes subregulation (2) commits an offence.

Access control

12. For the purpose of these Regulations, the Corporation may—
- (a) determine post guard within the area of the Corporation; or
 - (b) determine any procedure,

which it deems fit and reasonable for controlling the entrance and exit movement of vehicles into the area of the Corporation.

PART V**OFFENCE****Speed limit**

13. No entry permit holder shall drive a vehicle in the area of the Corporation at a speed in excess of that prescribed by a traffic sign.

Vehicles to be driven only on carriageway of road

14. (1) No entry permit holder shall drive a vehicle on any place other than on that part of the road which is used as a carriageway for the passage of vehicles.

(2) For the purpose of subregulation (1), no vehicle shall be driven by an entry permit holder on the—

- (a) pavement;
- (b) side-table;
- (c) grass verge;
- (d) footpath; or
- (e) other place, whether alongside the carriageway or otherwise,

which is not ordinarily intended or specifically provided for the passage of vehicles during the period the entry permit holder is within the area of the Corporation.

Obstructive parking

15. No person shall park any vehicle at any place or in any manner so as to cause danger, obstruction or inconvenience to any other person or vehicle within the area of the Corporation.

Use of allotted parking bays

16. Where a parking bay is allotted for a particular vehicle no entry permit holder shall park a different vehicle in such parking bay.

Traffic directions and signs to be complied with

17. Every person shall comply with all traffic directions and with all traffic signs prescribed within the area of the Corporation.

Obstruction to traffic flow

18. No person shall conduct himself in any manner, or do any act, which obstructs or interferes with the smooth and orderly movement of traffic within the area of the Corporation.

PART VI

PENALTY

Prosecution of offences

19. A prosecution for an offence under this Regulations shall not be instituted except by or with the consent of the Public Prosecutor.

Penalty

20. Any person who commits an offence under these Regulations shall be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit.

Compound

21. (1) With a written consent from the Public Prosecutor, any offences under these Regulations may be compounded by the General Manager or any authorized officer.

(2) Any compound issued under these Regulations shall not exceed a sum equal to fifty per centum of the maximum amount of the penalty the offence is punishable.

(3) Any order to compound shall be issued by using Form A as prescribed in the Schedule.

(4) The acceptance of an offer to compound shall be made by using Form B as prescribed in the Schedule.

PART VII

GENERAL

Exemption

22. The Corporation may, subject to any conditions which it may deems reasonable and fit, exempt any person from any provisions of these Regulations.

SCHEDULE

PENANG HILL CORPORATION ENACTMENT 2009

PENANG HILL CORPORATION (ROAD TRAFFIC CONTROL) REGULATIONS 2022

[Subregulation 21(3)]

FORM A

NOTICE OF OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To:

Address:

Sir/Madam,

Reference:

It appears to me, on *information/complaint received, that you have committed the following offence—

(a) Date: Time:

(b) Place:

(c) *Vehicle Registration No.:

(d) *Permit No.:

(e) *Vehicle Sticker Serial No.:

(f) Offence: Regulation..... Penang Hill Corporation (Road Traffic Control) Regulations 2022

(g) Particulars of offences:
.....
.....

Amount of compound: RM.....

Issued by:

Date:

* delete wherever not applicable

SCHEDULE

PENANG HILL CORPORATION ENACTMENT 2009

PENANG HILL CORPORATION (ROAD TRAFFIC CONTROL)
REGULATIONS 2022

[Subregulation 21(4)]

FORM B

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND

General Manager,
Penang Hill Corporation,
7th Floor, Bangunan PBBPP
Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam
11500 Pulau Pinang

I refer to the offer to compound an offence dated,
and enclosed herewith *cash/cheque/money order/postal order/cashier's order/
banker's order/banker's draft No. for the sum of RM
in full settlement of the compound.

Offence: Regulation..... Penang Hill Corporation (Road Traffic Control)
Regulations 2022.

Signature:

Name:

Address:

Issued by:

Date:

* delete wherever not applicable

Made on 16 March 2022

[PBBPP.AD(R) 100-6/4/1(1); PUNPP 352/100/1/2/SUB/91]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI

*Clerk**State Executive Council of
Penang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA